

**DRFAT TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIFF**  
**BUTTERWORTH DISCOVERY WALK 2016**  
**PADANG PEMUDA MERDEKA, BUTTERWORTH**  
**28 FEBRUARI 2016 (AHAD) 7.30 PAGI**

---

*Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis*

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Encik Murali Ram  
Project Director Butterworth Baharu  
Think City Sdn. Bhd

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pemimpin-pemimpin Masyarakat

Rakan-rakan Media

Para Peserta Butterworth Discovery Walk 2016

Seterusnya tuan-tuan / puan-puan yang saya hormati sekalian

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan ribuan terima kasih kepada barisan Ahli Majlis dan para hadirin yang sudi hadir pada pagi ini untuk menjayakan Butterworth Discovery Walk 2016. Terima kasih atas kerjasama semua dalam menjayakan program ini yang merupakan anjuran kolaborasi bersama MPSP dan Think City Sdn.Bhd.

Para hadirin yang dihormati sekalian

Butterworth Discovery Walk 2016 adalah program yang berteraskan penghayatan aset kesenian dan kebudayaan yang wujud di sekitar Pekan Lama Butterworth. Program ini dianjurkan adalah selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu iaitu kerjasama MPSP dan Think City. Pelan Butterworth Baharu diharapkan akan mengembalikan semula kegemilangan juga kelestarian Bandar Butterworth yang mana pelbagai pengisian program telah dirangka. Saya sebagai Yang Dipertua MPSP, menyeru kepada setiap lapisan masyarakat untuk melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam program yang telah dirancang dan akan dilaksanakan pada masa yang akan datang di bawah Pelan Butterworth Baharu. Pelan

ini dibangunkan bukan sahaja melibatkan projek fizikal pembangunan semula bandar malah turut mempunyai unsur-unsur asimilasi budaya dan seni tempatan juga antarabangsa

Para hadirin yang dihormati sekalian

Seterusnya, untuk makluman semua program Butterworth Discovery Walk 2016 yang diadakan pada hari ini adalah disasarkan untuk setiap lapisan masyarakat. Penyertaan yang telah diterima keseluruhan adalah berjumlah 177 orang peserta telah mendaftar dan mengambil bahagian. Para peserta adalah terdiri daripada kanak-kanak sekolah rendah, menengah dan dewasa. Ianya merupakan satu momentum baru dalam usaha untuk *educate and create awareness* kepada setiap lapisan masyarakat tempatan mengenali dan menghayati icon-icon budaya dan sejarah di Butterworth. Butterworth Discovery Walk adalah merupakan program berjalan santai sejauh 2.65 km di sekitar Pekan Lama Butterworth. Setiap peserta akan melalui 5 hentian di asset budaya dan warisan, sesi penceritaan berkaitan sejarah dan latarbelakang asset tersebut akan dikendalikan oleh urusetia di setiap lokasi hentian. Secara iconic, *flag off* permulaan Butterworth Discovery Walk hari ini adalah berdekatan dengan Dataran Pemuda Merdeka

atau pernah dikenali satu ketika dulu dengan kelab Rekreasi British yang mana mempunyai sejarah tersendiri iaitu merupakan tempat perhimpunan nasionalis pejuang kemerdekaan sekitar tahun 1957. Secara tidak langsung, dengan penglibatan para peserta dalam program ini telah memberikan pendedahan baru kepada semua asset sejarah yang wujud di sekitar Bandar Butterworth.

Para hadirin yang dihormati sekalian

Seterusnya, penerokaan program santai pada hari ini akan melewati Kuil Maha Marimman yang telah dibina sekitar awal kurun ke 19. Kemudiannya perjalanan diteruskan ke Masjid Abdul Kadir atau sinonim dengan Masjid Bagan Tuan Kecil yang mana sarat dengan penceritaan berkaitan masyarakat India Muslim di Bagan satu ketika dulu. Perjalanan para peserta akan melewati Kampung Telaga Air untuk melihat rumah-rumah traditional di sekitar kampong dan hentian keempat pula adalah di Tokong Tian Gong Tan yang dikatakan telah berusia hampir 100 tahun. Hentian terakhir Butterworth Discovery Walk 2016 adalah di Hotel Ambassadredd yang mana mempunyai nostalgianya yang tersendiri. Hotel ini telah mencecah usia hampir 6 dekad iaitu 57 tahun pembinaannya. Para peserta dapat melihat peralatan dan

seni rekabentuk lama yang masih dikekalkan sehingga ke hari ini. Secara realistik, program ini satu pendedahan yang baru khasnya kepada Generasi Y untuk melihat dengan lebih dekat aset budaya dan kesenian secara *tangible dan intangible* sepanjang perjalanan berjalan santai sejauh 2.65 km. Selain itu, program berbentuk riadah pendidikan ini juga diharapkan dapat mewujudkan jaringan hubungan kerjasama di antara MPSP, Think City dan seluruh komuniti Seberang Perai.

Para hadirin yang dihormati sekalian

Sekian dulu ucapan saya, setinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Think City dalam usahasama untuk menjayakan program Butterworth Discovery Walk 2016. Saya sudahi ucapan saya dengan ribuan terima kasih kepada semua tetamu yang sudi hadir dan para peserta yang mengambil bahagian dalam program ini. Seterusnya, kepada semua pihak yang bertungkus lumus dalam menjayakan penganjuran program ini. Sekian, terima kasih